

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025

PERINTAH HARIAN
KHAMIS, 13 MAC 2025

PH11/01/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- i. **[PL13] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah praktikal dan realistik bagi menyeimbangkan komitmen penyediaan perkhidmatan kesihatan awam dengan *sustainability* dalam memelihara kesihatan rakyat dan penduduk secara berterusan. Perkara ini mengambilkira jangka-hayat yang panjang, bilangan warga emas serta penduduk meningkat yang akan memerlukan penjagaan kesihatan yang lebih *extensive* yang boleh menjadi cabaran kepada Kementerian Kesihatan.
- ii. **[PL116] Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada kementerian boleh meneliti cadangan untuk memperkenalkan pemeriksaan kesihatan pra-perkahwinan secara mandatori serta mempertimbangkan skim subsidi bagi memastikan akses yang lebih meluas untuk membantu menangani peningkatan kes penyakit berjangkit seperti HIV dan penyakit kelamin, serta gangguan genetik seperti Thalassemia dalam kalangan rakyat, demi kesejahteraan pasangan dan generasi akan datang.
- iii. **[PL59] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha dan program yang dirancang oleh Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan pengesanan awal serta memperkukuh sokongan bagi kanak-kanak autisme. Ingin mengetahui sekiranya Kapasiti *Child Development Centre* juga perlu di review bagi menangani peningkatan kes autisme

yang meningkat di Brunei dari 35 (2011) ke 230 (2024) yang mana menunjukkan keperluan mendesak bagi usaha pengesanan dan intervensi awal yang lebih berkesan.

- iv. **[PL40] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah agensi-agensi kerajaan merancang pelan-pelan Tindakan dari hasil kajian CSPS mengenai peluang ekonomi dan pekerjaan masa depan hingga 2040 yang menekankan pekerjaan yang akan pupus dan pekerjaan baru yang berkembang. Ingin mengetahui jika pelan-pelan tindakan ini akan dapat diselaraskan ke dalam sistem pendidikan untuk melahirkan tenaga kerja bersedia.
- v. **[PL66] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan peraturan kerajaan mengenai penjawat awam yang digantung kerja bertahun-tahun atas tuduhan yang belum sah dari segi tempoh masa penyiasatan (*statute of limitations*) ke atas pegawai berkenaan bagi memastikan keadilan dan mengelakkan kezaliman.
- vi. **[PL111] Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan jika terdapat kajian menaik taraf sistem saliran di Simpang 77 dan Simpang 283, Kg Lambak A serta kawasan Sekolah PGGMB, Kg Lambak B, termasuk memperbesarkan longkang dan meningkatkan kapasiti saliran bagi menampung jumlah air yang lebih banyak serta mengurangkan risiko banjir berulang.
- vii. **[PL122] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan agensi manakah yang bertanggungjawab untuk memantau mutu kerja dan kerosakan kecil yang agak menjejaskan kualiti bangunan tersebut memandangkan struktur bangunan bagi Rancangan Perumahan Negara (RPN), Occupancy Permit (OP) adalah di bawah seliaan ABCi.
- viii. **[PL139] Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan jika pihak Royal Brunei Airlines mempunyai perancangan untuk mengadakan potongan harga bagi golongan warga emas bagi memudahkan mereka melancong keluar negeri.
- ix. **[PL133] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian dalam menangani dan mengelakkan *brain drain* di kalangan profesional

kepakaran perubatan tempatan memandangkan mereka ini dibiayai oleh biasiswa Kerajaan. Perkara ini juga penting memandangkan pengambilan pakar profesional luar memerlukan peruntukan yang lebih besar dibandingkan daripada pengambilan pakar profesional tempatan.

- x. **[PL1] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan peningkatan kos perkhidmatan kesihatan dan tekanan terhadap hospital kerajaan, apakah usaha kerajaan dalam memperluaskan kerjasama dengan sektor swasta bagi menyediakan rawatan asas yang lebih murah dan mudah diakses, supaya hospital kerajaan dapat menumpukan kepada kes kritikal dan pakar, serta mengurangkan perbelanjaan kesihatan awam.
- xi. **[PL83] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan (a) usaha Negara untuk mencapai '*self-sufficiency*' dalam pengeluaran padi, yang nampaknya tidak banyak perubahan meskipun menjadi agenda utama dalam '*Food Security*'; (b) perancangan Kementerian dalam menangani masalah seperti kekurangan saluran air dan infrastruktur; dan (c) tindakan Kementerian dalam memastikan perkara ini menjadi keutamaan dan dibuat secara '*whole-of-government approach*' bagi memastikan ia akan menjadi kenyataan.
- xii. **[PL62] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan program-program latihan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan-perkhidmatan *hospitality & services*, khususnya yang melibatkan golongan belia. Ini mengambilkira terdapat keperluan untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan serta kualiti *hospitality & services* untuk menarik lebih ramai pelancong.
- xiii. **[PL124] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan jika pihak Kementerian mempunyai langkah atau strategi yang kreatif dan inovatif dalam melahirkan petani di kalangan belia dalam sama-sama menyokong penghasilan padi negara ke arah sara diri (*self-sufficiency*) menjelang Wawasan Brunei 2035 dalam usaha menghasilkan tenaga yang mahir, berpengetahuan dan arif dalam bidang pertanian khususnya padi.

-
- xiv. **[PL15] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan strategi-strategi yang berimpak tinggi, yang boleh mentransformasikan sektor pelancongan menjadi penyumbang utama dalam meningkatkan GDP, *revenue* negara, dan peluang pekerjaan. Perkara ini adalah berdasarkan perancangan dalam Pelan Strategik Pelancongan yang merangkumi langkah menarik PPP dan FDIs berskala besar dengan pelabur asing terkemuka yang bertujuan membina rangkaian pelancongan kukuh, terarah, dan berdayamaju, menggunakan kelebihan (*niche*) negara.
- xv. **[PL16] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memperbanyakkan lagi penglibatan belia-belia tempatan dalam sektor sumber utama menggunakan teknologi moden (seperti *vertical-farming*, *hydroponic*); termasuk membantu meningkatkan nilai penghasilan, kepakaran, R&D, teknologi, pemasaran, serta akses bantuan kewangan dari institusi-institusi kewangan tempatan, bagi mengembangkan perniagaan mereka.
- xvi. **[PL129] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** minta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan jika pihak Jabatan Perdana Menteri mempunyai strategi atau pelan tindakan bagi memastikan keberkesanan tahap efisiensi dan mempercepatkan proses pengisian jawatan kosong bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian II dan kebawah sejak dikuatkuasakan transformasi pengambil alihan sistem pengambilan dan pengisian jawatan kepada Kementerian-kementerian masing-masing.

3. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERINGKAT JAWATANKUASA

Perbahasan berkenaan “Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026”

DAN

“Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam”

- i. Kementerian Pendidikan (Tajuk SF01A Hingga Tajuk SF06A)
- ii. Kementerian Kesihatan (Tajuk SM01A)